

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (3)
Tarikh : 11 Jun 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN IM LAPOR
BERTARIKH 05 JUN 2014, KHAMIS– M.S: 25 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **BERDURIDURI79 [IMB96596]** berkenaan kekecewaan beliau ke atas permohonan MyKid yang masih tidak boleh dibuat sehingga kini.

3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menangguhkan pengeluaran MyKid sebelum ini yang bertujuan untuk membolehkan JPN mengambil tindakan penambahbaikan terhadap ciri-ciri fizikal MyKid termasuklah meningkatkan ciri-ciri keselamatan serta penggunaannya ke agensi-agensi kerajaan dan swasta. Dalam hal ini, penambahbaikan tersebut telah pun diselesaikan dan sedang dalam peringkat pelaksanaan secara *pilot* di JPN Putrajaya.

4. Bagi permohonan MyKid yang tertunggak, kad tersebut telahpun dicetak dan sedang diedarkan kepada pemohon. Manakala penerimaan permohonan baru MyKid akan mula dilaksanakan dalam masa terdekat di setiap kaunter kelahiran JPN di seluruh Negara. Orang ramai perlu juga mengambil maklum bahawa sijil kelahiran masih boleh digunakan sebagai dokumen pengenalan diri kanak-kanak yang sah walaupun mereka masih belum memiliki MyKid.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)